

TEORI PASCAMODEN DAN KRISIS SOSIAL: PENJELASAN TEORI KE ATAS FENOMENA SOSIAL

Oleh

Sharifah Sofiah 'Atiqah bt. Syed Ibrahim
Ismail Yusof

Kertas kerja ini akan membincangkan beberapa teori pemikiran postmodernism dan cuba mengenalpasti elemen-elemen utama teori tersebut. Turut dibincangkan ialah mengenai perubahan pemikiran dalam era pascamoden dan implikasi pemikiran tersebut ke atas fenomena sosial hari ini. Kejatuhan teori besar dan munculnya teori-teori kecil membawa kepada kemajmukan pemikiran dalam postmodernism sehingga menyebabkan rasionaliti perseorangan di angkat menjadi sebagai hukum dalam merasionalisasikan tindakannya dalam sesuatu komuniti dan masyarakat. Keadaan ini sedemikian dikaitkan dengan munculnya beberapa fenomena krisis sosial yang berleluasa akibat daripada pemikiran era pascamoden yang lebih bersifat mementingkan individu atau ahli masyarakat itu sendiri sehingga timbulnya krisis kepentingan di mana nilai individu itu melebihi kepentingan sesebuah masyarakat. Kertas ini akan mengaitkan masalah keteraturan sosial yang compang-camping disebabkan oleh kejatuhan grand theory ini. Beberapa isu akan diutarakan dan akan mengaplikasi beberapa pemikiran pascamoden dalam memahami krisis masyarakat. Akhir sekali implikasi ke atas masyarakat masa depan akan dibincangkan jika pemikiran sebegini dibiarkan berleluasa dan menjadi dogma pemikiran dalam sains sosial. Cadangan akan dibuat dalam mengurangkan dan mengawal pemikiran pascamoden agar komuniti mutmainnah dapat dibangunkan dan lebih bertolak ansur ke atas keperluan manusia sejagat.

Pengenalan

Ferdinand Tonnies pernah menyebut mengenai kehilangan komuniti dalam teori nya mengenai *Gemeinschaft* dan *Gessellschaft*. Revolusi peindustrian dan modenisasi telah meluput perkaitan sosial antara manusia dan merendahkan institusi keluarga dan tradisi kemudian menggantikan dengan caragaya individualistik yang menekankan kecekapan dan keberkesanan yang membawa kepada bentuk hubungan *impersonal dan rootless*. Selepas revolusi informasi, modeniti mula dipersoalkan dan pakar sosial era pascamoden mempersoalkan *grand* teori sehingga mereka menjadi tidak pasti dan berkeinginan untuk menjatuh *grand* teori . Teori yang diutarakan oleh pemikir modeniti seperti Ferdinand Tonnies, Emile Durkheim, Max Weber , Karl Marx mula dikritik dan di runtuhkan (*deconstruct*) untuk digantikan dengan teori yang boleh menangani perubahan teknologi. Menurut Ziauddin Sardar, kehidupan pascamoden bukan sahaja menguasai struktur masyarakat manusia secara individu atau kelompok malahan sektor ekonomi, pengetahuan, politik , kewangan dan komunikasi. Mereka yang boleh diklasifikasi

sebagai pemikir pasca moden ialah Jean Baudrillard, Michel Foucault, Jurgen Habermas, Ulrich Beck, Manuel Castells dan Anthony Giddens. Setiap pemikir pascamoden mempunyai tanggapan yang berbeza terhadap era pascamoden. Lantas mereka memberi penekanan yang berbeza pula terhadap aspek-aspek tertentu dalam era pascamoden. Kebanyakan mereka menganggap pascamoden menawarkan beberapa perubahan yang memberi faedah dan ancaman kepada masyarakat. Mereka juga menganjurkan beberapa cara untuk menghadapi era pascamoden.

Pemikir – pemikir Era Pascamoden

Teori Pascamodenism dihargai bukan sahaja di barat di mana ianya dilahirkan malahan di negara-negara Dunia ketiga seperti India, Afrika Selatan dan Amerika Latin. Ramai intelektual mengatakan teori pascamoden ini sebagai kontra atau *counter-trend* kepada teori modeniti iaitu mengenai keterpinggiran dunia ketiga dari aspek pemikiran dan budaya. Kuasa ‘Pusat’ di runtuhkan dan beralih kepada ‘pinggiran’. Pascamodenism yang bermula sebagai *counter-movement* dalam kesenian dan sains telah berubah (transform) menjadi pengaruh besar dalam dunia intelektual dan sosial, yang mana selepas 20 tahun telah meruntuhkan modeniti dan mewujudkan pascamodenism yang baru. Aspek yang termasuk dalam pembangunan idea Pascamoden ialah:

1. menolak saintifik dan objektiviti dalam peradaban Barat
2. meruntuhkan asas falsafah Barat
3. menekankan ketidakpastian dalam fizik quantum dan matematik
4. menekankan ketidaksinambungan masa dan tempat dalam sejarah manusia
5. munculnya *magical realism*, mazhab fiksyen oleh para novelis
6. sekularisasi agama dan pembuangan konsep dan praktik agama yang merupakan asas moraliti dari masyarakat
7. menggembargemburkan ekonomi pasaran (*market economy*) dan menyemarakkan konsumerism (*consumer choice*)

Beberapa pemikir telah muncul untuk menyokong dan menentang pergerakan dan pandangan yang berleluasa mempengaruhi seluruh disiplin seperti falsafah, sains, sejarah, sastera, budaya dan juga antropologi, fiksyen dan agama. Di antara pemikir tersebut ialah:

Jean Baudrillard

Beliau mempercayai bahawa media elektronik telah memusnahkan hubungan manusia dengan latarbelakang sejarah mereka dan membina keadaan yang huruhara (chaos), kekosongan. Walaupun mempunyai latarbelakang Marxis, beliau mengakui bahawa teorem Marxis telah diterbalikkan. Menurut Marx, kuasa ekonomi yang membentuk masyarakat tetapi dalam era pascamoden, kehidupan masyarakat yang mempengaruhi ekonomi yang kemudian berkuasa membentuk simbol dan imej. Mengambil pendekatan structuralism, beliau berpendapat bahawa makna dicipta oleh hubungan antara manusia secara verbal dan bukan reality luaran.

Dalam era dominasi media, Baudrillard mengatakan makna dicipta oleh aliran imej seperti dalam sebuah rancangan televisyen yang menggunakan imej untuk mencetus makna. Kehidupan sosial dan peribadi manusia adalah bergantung kepada imej yang dipancarkan di media. Oleh itu boleh dikatakan bahawa persekitaran mereka adalah sesuatu yang dicipta. Manusia bergerak balas kepada imej yang dicipta dan ditayangkan daripada manusia yang sebenar atau tempat yang sebenar (*real people and real place*). Manusia yang sebenar tidak wujud secara langsung tetapi sebenarnya wujud dalam media. Media yang mempengaruhi pemikiran dan tingkahlaku manusia dan pengalaman. Baudrillard menyebut keadaan ini sebagai 'dissolution of life into TV'.

Michel Foucault

Foucault menyebut bahawa organisasi keluarga semakin luntur dan diganti oleh organisasi moden seperti penjara, sekolah dan hospital yang memainkan peranan untuk mengawal masyarakat. Kebebasan individu yang muncul dalam era moden harusnya mempunyai disiplin dan 'surveillance'.

Kuasa dan kawalan sangat berkait dengan wacana. Sementara wacana pula merupakan cara bercakap dan berfikir yang berkait dengan andaian manusia keatas sesuatu perkara. Contohnya subjek kegilaan bertukar wacana dari Middle Ages hingga kini. Satu ketika dahulu kegilaan dilihat sebagai tidak mencederakan oranglain, dan pemberian (*gift*). Dalam masyarakat moden kegilaan dikaitkan dengan wacana perubatan yang mengaitkan ianya satu penyakit dan perlu diubati.

Wacana perubatan ini disokong dan digembargemburkan oleh rangkaian doktor, pakar, hospital, persatuan professional dan jurnal prubatan. Oleh itu kuasa didapati dari wacana yang kemudiannya membentuk sikat keatas fenomena. Oleh kerana discourse menjadi penting maka pengetahuan menjadi alat kawalan. Beliau menyebut bahawa kuasa, amat berkait dengan pengetahuan dan teknologi. Kerja beliau yang terkenal ialah mengenai pengetahuan saintifik dengan kaedah *familiar* yang dikaitkan dengan *unfamiliar* atau *digging the past to learn about the present (concepts, belief and structure)*. Masa kini menjadi *invisible* kerana mereka adalah *familiar*. Oleh itu konsep keatas kegilaan, *sanity*, devian dan normal cuba dikupaskan dari latarbelakang sejarah untuk melihat bagaimana masyarakat mencerna dan mewarnakan konsep tersebut. Dengan melihat kebelakang, manusia boleh melihat secara tampak kepercayaan, praktis dan andaian yang digunapakai masakini. Saintis hanya boleh memahami fragmen daripada general teori.

Jurgen Habermas

Habermas lebih menyokong Weber jika di banding dengan Marx. Tetapi sesetengah idea Marx masih lagi boleh digunapakai. Contohnya, menurut Habermas, kapitalisme telah berjaya mencipta kekayaan tetapi masalah asas kapitalisme seperti yang disebut Marx masih wujud seperti timbulnya kegawatan dan krisis ekonomi. Menurut Habermas, masyarakat seharusnya mengawal proses ekonomi daripada membiarkan proses ekonomi yang mengawal mereka (seperti yang berlaku hari ini)

Beliau mencadangkan konsep *public sphere*. Dalam rangka kerja demokrasi, menurut Habermas, prosedur demokrasi, seperti parliamen, dan parti politik tidak lagi memberi laluan kepada membuat keputusan yang kolektif yang baik. Penglibatan komuniti, NGO, agensi tempatan dan reformasi prosedur demokrasi boleh menyemarakkan semula *public sphere*. Media moden boleh digunakan untuk memperbaiki sistem demokrasi. Televisyen dan suratkhbar yang didominasi oleh faktor perniagaan tidak boleh melakukan peranan ini. Hanya televisyen dan radio saluran kerajaan dan, internet boleh membuka kepada dialog terbuka. Habermas dikritik kerana tidak sensitif kepada isu gender dan demokrasi yang mana asas gender neutral yang dipakai oleh Habermas tidak dapat menyelesaikan masalah penglibatan kaum wanita yang kurang dalam parliamen, kedudukan subordinate wanita dalam keluarga dan ketidak samaan dalam kehidupan berkeluarga.

Ulrich Beck

Menurut Beck, manusia pascamoden sebenarnya hidup dalam era moderniti yang kedua (*second modernity*) di mana institusi moden semakin global serta kehidupan seharian tidak lagi berlandaskan tradisi dan adat. Masyarakat industri diganti dengan masyarakat berisiko dan penuh dengan ketidak pastian kerana tidak mempunyai pola yang tegas (*lack of pattern*) dan keadaan masyarakat yang kacau - bilau (*chaos*).

Risiko menjadi perkara penting dalam kehidupan pascamoden kerana penemuan sains dan teknologi yang mengubah kehidupan manusia. Sungguhpun sains memberi faedah kepada manusia namun ianya juga memberi risiko dalam hidup manusia. Contohnya, makanan yang diubahgenetik (*genetically modified food*) yang mana risiko memakannya masih lagi tidak dapat diukur.

Begitu juga risiko dan hubungan gender juga mempunyai risiko ketidakpastian. Dahulu manusia tidak memerlukan cinta untuk berkahwin. Individu berubah dalam tahap kehidupan dari tidak berkahwin kepada berkahwin. Kini dalam masyarakat barat, pasangan bersekedudukan tanpa berkahwin dan tahap penceraian juga tinggi. Oleh itu mereka yang ingin berkahwin hendaklah mengambil risiko samada perkahwinan akan membawa kebahagiaan dan keselamatan vs ketidakselesaan dan penceraian.

Risiko dalam era pascamodern berlainan dari era lalu. Risiko akibat bencana alam adalah kurang dari risiko yang dihadapi akibat pembangunan sosial dan penemuan sains dan teknologi. Menurut Beck untuk menghadapi permasalahan ini subpolitik perlu muncul untuk membawa kepada reformasi sosial dan politik. Kumpulan ini perlu bergerak diluar mekanisme formal contohnya NGO ekologi, human rights dan konsumer. Tanggungjawab mengurus risiko bukan sahaja tanggungjawab saintis, ahli politik malah semua ahli masyarakat. Subpolitik inilah yang dapat mempengaruhi dan reformasikan mekanisme politik ortodox.

Manuel Castells

Media dan teknologi komunikasi telah membawa masyarakat kepada era revolusi informasi. Masyarakat bermaklumat (*information society*) akan membawa kepada

muncul pelbagai rangkaian; terutama rangkaian ekonomi. Teknologi komunikasi membolehkan manusia berhubung secara global membawa kepada bentuk ekonomi baru. Ekonomi kapitalis dahulu memerlukan kelas pekerja dan pengeluaran besar-besaran barangan pengguna manakala kini komputer dan telekomunikasi merupakan asas pengeluaran.

Identiti peribadi dan kehidupan seharian manusia tidak lagi bersifat tradisional dan berlatarkan adat. Identiti manusia bergantung kepada bagaimana kita berinteraksi dengan orang lain yang mana memberi kesan ke atas keluarga dan menstrukturkan semula peranan gender. Oleh kerana itu peranan tradisi tidak lagi mengungguli peranan lelaki (kerja di luar sebagai pencari nafkah) dan wanita (bekerja di dalam rumah)

Manusia tidak lagi mengawal dunia yang diciptakan. Sambil menyokong Weber, Castell menyetujui bahawa birokrasi memenjarakan manusia. Castell menyebut "*humankind's nightmare of seeing our machines taking control of our world seems on the edge of becoming reality – not in the form of robots that eliminate jobs or government computers that police our lives, but as an electronically based system of financial transactions*". Oleh itu untuk mendapat semula kekuatan dalam menghadapi ekonomi global (*global capitalism*) adalah dari usaha secara kolektif organisasi antarabangsa dan negara-negara dalam meregulasikan kapitalis antarabangsa. Di sini teknologi informasi menyediakan wahana untuk *local empowerment* dan membangkitkan semula sense of community. Contohnya, di Finland menurut beliau, mempunyai masyarakat berteknologi maju dan pada masa yang sama merupakan negara kebajikan yang cekap di mana sistem sosial di adaptasi untuk keperluan bentuk ekonomi baru.

Anthony Giddens

Run away world adalah konsep yang dicadangkan oleh Giddens dalam membincangkan era pascamoden. Menurut konsep ini dunia ditandai oleh risiko dan ketidakpastian yang baru seperti yang disebut oleh Beck tetapi beliau menambah bahawa trust perlu dikatkan dengan risiko. Trust disini bermaksud keyakinan ke atas individu dan institusi.

Keadaan masyarakat yang berubah pada kadar segera menyebabkan (*trust*) telah berkurang yang mana pada waktu dahulu *trust* wujud dalam komuniti kecil. Hidup dalam dunia global menyebabkan kehidupan manusia dipengaruhi oleh orang yang tidak dikenali dan berada beribu batu di seberang lautan. *Trust* yang dikaitkan ialah *trust* ke atas sistem abstrak seperti berkeyakinan ke atas agensi regulasi makanan, ke atas sistem perawatan air dan ke atas keberkesanan sistem perbankan. Manusia memerlukan keyakinan ke atas autoriti untuk menghadapi risiko secara yang berkesan.

Social reflexivity menurut Giddens penting dalam era informasi. Hal ini merujuk kepada "*think about or reflect upon, the circumstances in which we live our lives*". Bagi masyarakat yang berpegang pada adat dan tradisi, mereka hanya mengikut budaya yang diwariskan kepada mereka tanpa memikirkan kembali (*reflect*). Masa kini adat dipersoal untuk dibuat keputusan contohnya, dengan adanya teknologi reproduksi, ibubapa boleh memilih bilangan anak dan jantina anak mereka. Ini membawa kepada dilema etika.

Era pascamoden membuatkan negara hilang kuasa global dalam merekabentuk polisi ekonomi, contohnya negara yang mempunyai pengaruh ekonomi yang sedikit di peringkat antarabangsa. Negara seelok-elok secara bersama bersatu tenaga membangkitkan kembali pengaruh mereka.

Bagi Giddens, demokrasi masih penting. Malah ianya merupakan jentera untuk menilai permintaan dan permohonan dari pelbagai pihak. Agensi bukan kerajaan dan pertubuhan boleh membantu kerajaan dalam menyuarakan pendapat dan pandangan dan permintaan agar demokrasi menjadi lebih licin. Menurut Giddens, demokrasi tidak boleh dilimitasikan dalam *public sphere* sahaja. Pada hari ini munculnya demokrasi emosi (*democracy of emotions*) yang merujuk kepada partisipasi wanita dan lelaki secara equal dalam kehidupan berkeluarga. Dominasi lelaki keatas wanita dalam kehidupan berkeluarga semakin berubah kepada persamaan taraf kedua-duanya. Persamaan taraf ini dipanjangkan kepada hak untuk mengundi. Begitu juga demokrasi dalam kehidupan peribadi di mana hubungan antara manusia berbeza gender ini berdasarkan kepada saling hormat, komunikasi dan toleransi.

Prinsip Postmodernism

Pascamodenism pada mulanya berdiri untuk menentang secara total pemikiran (reasoning) yang berakarumbi pada zaman *Enlightenment* di Eropah dan kemegahan tamadun, budaya dan masyarakat Eropah yang mengecilkan dan menjatuhkan taraf dan cara pemikiran dan budaya lain. Masa kini pascamodenism telah ditransformasikan menjadi satu sistem yang total sehingga boleh menggantikan sistem modeniti dan tradisional dalam pemikiran dan praktis.

Menurut Ziauddin Sardar (1995), prinsip asas pascamodenism ialah:

- I. Semua yang dipercayai benar semasa zaman moden dianggap langsung tidak benar dan tidak boleh dipakai era postmodern (all that is valid in modernity is totally invalid and obsolete in postmodern times) Grand Narratives yang merupakan idea besar yang memberi asas rasa (senses) dan arah tuju kepada kehidupan seperti kebenaran (Truth), Morality (asas moral), ketuhanan (God), adat tradisi (tradition) dan latar belakang sejarah(History) merupakan sesuatu yang tidak boleh dianalisa sehalus-halusnya. Begitu juga dengan sains, ugama, Marxism merupakan rekaan buatan manusia yang bersifat paksaan semata. Kebenaran pula adalah relatif, dan dan semua aspek kehidupan merupakan kontigensi..Menurut Rorty, postmodernism menolak semua bentuk kebenaran dan tidak menerima apa-apa sebagai *absolute*. Menyukai sesuatu sebagai relativisma total.
- II. Apabila kebenaran dan pemikiran menjadi mati (truth and reason are dead), apakah yang akan terjadi kepada pengetahuan?Pemikir postmodern melihat semua jenis pengetahuan, dan semua sumber pengetahuan sebagai sesuatu yang tiada asas kewujudan. Contohnya, mereka bertanya apa itu kehidupan,

kenapa kewujudan itu perlu ada benda dan jisim daripada kewujudan yang tiada benda dan jisim (*why is there something rather than nothing in life?*) atau kenapa kejatuhan stok market. Dan, kenapa spesies kuno berkeadaan stabil dalam fossil selepas bermillion tahun. Penemuan saintifik membawa kepada peresapan nilai-nilai kontigensi dan bukan kepada jawapan keatas makna kewujudan sebagai suatu *ultimate reality*. Pemikir postmoden melihat kebenaran begitu skeptical sehingga magis dan sains tidak ada bezanya. Pengetahuan merupakan subjek imaginasi bukan inquiry. Menurut mereka, untuk memahami tingkahlaku manusia, hendaklah menggunakan fiksyen daripada ilmu falsafah, penceritaan daripada teori.

- III. Pemikiran postmodern keatas kewujudan ialah Simulacrum, di mana tidak ada perbezaan di antara imej dan realiti material (*a world where all distinction between image and material reality has been lost*). Kehidupan manusia menjadi watak seperti dalam mainan video global yang mana berperang di alam siber. Era postmoden menggambarkan simbol dan imej tidak ada hubungan dengan realiti. Hidup manusia dalam teater global berubah secara tidak pasti sehingga menyebabkan realiti diserap menjadi fiksyen yang disebut sebagai *hyperreality*. Kehidupan sosial diatur bukan oleh realiti tetapi oleh simulasi, model, imej suci dan watak yang diciptakan (*representation*). Setiap representation ini membawa kepada simulasi baru dan proses itu sambung menyambung dalam kaleidoskop.

Proses *simulacrum* terjadi dalam 4 fasa: pertama, ia dimulai dengan gambaran ke atas asas realiti (*reflection of a basic reality*), kedua, gambaran ini menjadi topeng dan membohongi dan menyesatkan asas realiti tersebut (*masks and perverts this basic reality*), ketiga, gambaran ini menyamar sebagai sesuatu atau seseorang walaupun dengan ketiadaan asas realiti, keempat, gambaran yang diciptakan tidak langsung berkait dengan asas realiti yang wujud. Oleh itu kebanyakan manusia akan mengalami realiti kehidupan dalam imej yang direka.

- IV. Tidak menerima realiti (*denial of reality*). Pemikiran postmodern mengatakan tidak ada *ultimate reality* yang membuatkan manusia melihat apa yang diinginkan mereka mengikut kedudukan mereka dalam masa dan tempat (*time and space*) dan latarbelakang budaya dan sejarah. Teori saintifik yang berkait dengan huruhara (chaos) dan kompleks menyebabkan manusia hilang asas kawalan dan kepastian. Elemen dalaman atom sesuatu jisim mengandungi sistem kompleks yang menjadi hos kepada agen-agen yang berinteraksi di antara satu sama lain lalu menjadi *self-organization*. Idea kompleksiti ini dalam sains memulakan teori *order out of chaos, autonomous, self-governing* tetapi dalam kehidupan manusiawi, kehidupan manusia yang kompleks dalam lakonan di televisyen akan dimimik oleh audien sehingga audien meniru imej dan subjek lakonan tersebut.

Kehidupan yang tiada makna (*meaninglessness*) dalam kehidupan yang tiada kebenaran dan reason, tiada pengetahuan dan bahasa hanyalah merupakan alat perhubungan dalam kewujudan manusia, realiti hanyalah merupakan imej

Keraguan dan kesangsian (*doubts*). Pemikiran sebegini membawa kepada ketiadaan teori yang diterima, tiada pengukuran mutlak (*no absolute*) dan tiada pengalaman lalu yang boleh dijadikan panduan (*no experience*). Pendek kata sesiapa pun di dunia ini tidak boleh dipercayai.

- V. penggandaan (*multiplicities*) menekankan penggandaan etnik, budaya, jantina, kebenaran, realiti, seksualiti dan *reasoning* . Sesuatu perkara itu tidak dibenarkan mendominasi (*having privelege*) diatas perkara yang lain. *Elitism* dan jurang kelas di antara satu sama lain dibuang . Pemikir postmodern cuba mendapatkan kesamaan perwakilan (*equal representation*) dalam pemikiran dan kehidupan tidak bias kepada kelas, gender, orientasi seks, ras, etnik dan budaya. Ianya cuba mengalih dominasi halacara Barat dalam pemikiran dan tingkahlaku.
- VI. Pemahaman keatas postmoden yang memegang ke atas prinsip tiada kebenaran (*no truth*), tiada reality (*no reality*), hanya imej yang dilakonkan dan diperlihatkan (*only images*), ketiadaan makna (*no Meaning*), Penggandaan dan kepelbagaian dalam pelbagai aspek kehidupan (*Multiplicities*), tidak ada dominasi satu subjek atas apa-apa sebab ke atas subjek yang lain (*equal representation*) dan keraguan dan ketidakpastian total (*total doubts*). Asas pemahaman pascamoden ialah pembuangan adat dan norma menjadikan gaya hidup yang ringkas; pemikiran tidak ditunjangi oleh dogma agama, adat budaya, dan fahaman politik. Tegasnya ianya merupakan penolakan semua prinsip agama dan moral secara total.

Barangan pascamoden

- 1. Mereka yang terlibat dalam pascamoden dengan sengaja mencampuraduk dan mengelirukan di antara akta sejarah dengan fantasi. Contohnya, Salman Rushdie dalam novel *Satanic Versesnya* atau Martin Sorcese dalam filem *The last Temptation of Christ*.
- 2. Ahli – ahli pascamoden ini cuba mempermainkan dengan mencampuradukkan berbagai elemen tradisi dengan elemen-elemen moderniti. Contohnya, sebuah bangunan yang mencampuradukkan pelbagai tradisi senibina dengan bentuk senibina moden dalam bangunan tersebut . Secara *playful* suka menggabungkan banyak tradisi budaya yang berbeza mengikut tempat dan masa dengan elemen moderniti dalam satu tempat dan satu masa secara *simultaneous*.
- 2. Mereka tidak mahu, enggan dan gagal membezakan di antara imej dengan realiti dan di antara realiti dan imej. Contohnya barangan tiruan termasuk antik yang nampak *genuine* dan *original* tetapi sebenarnya tiruan. Contohnya, seperti

barangan yang dijual di Petaling Street yang secara zahirnya seperti barangan elit (beg tangan Bonia, kasut Carlo Rinos) tetapi sebenarnya dibuat dari plastik berteknologi tinggi yang membuatkan barangan tersebut tampak seperti kulit dan dijual dengan harga yang jauh lebih murah dari yang *original*.

3. Mereka meruntuhkan fakta sejarah yang merangkumi masa dahulu dan sekarang dan hadapan . Penceritaan kepada peristiwa tersebut dibuat dalam satu naratif . Contohnya, filem sains fiksyen seperti *Terminator* dan siri televisyen *Star Trek*. Cerita Terminator dan Star Trek mengisahkan musuh dan pesalah yang wujud pada masa hadapan dan dimasukkan watak tersebut dalam kehidupan masa kini. Filem itu penuh dengan kesangsian mengenai asal usul musuh itu sendiri, bagaimana ia boleh hidup pada masa kini dan musuh itu sendiri tidak boleh mati dan tidak nampak zahirnya. Untuk membunuh musuh tersebut adalah teramat sukar dan terlalu sulit sehingga hanya seorang manusia hero sahaja yang akan berjaya. Kualiti dan kebolehan manusia biasa dipandang rendah dan tidak cukup cekap dalam menawan musuh. Hanya mereka yang cukup kebolehan pensenjaan dan kekuatan intelektual dan badaniah dapat menawan musuh.
4. Mereka yang mempraktikkan pascamodernisme mencipta keraguan dari segi ruang masa dan tempat. Contohnya, barangan moden dijual dalam bangunan sejarah atau bangunan moden diubah menjadi replika bangunan sejarah yang terletak dalam satu negara tetapi diselenggara oleh negara lain atau di negara lain. Contohnya, The Mall di Kuala Lumpur menjual pelbagai barangan moden dan tradisi dari seluruh dunia di bawah satu bumbung. Ini memberi gambaran bahwa satu tempat boleh dicipta untuk menjual artifak dan barangan hasil penggabungan dari pelbagai zaman dan tempat di seluruh pelusuk dunia.
5. Mereka menekankan kehidupan tiada makna secara total (total meaninglessness of life) dapat digambarkan dalam musik dan senikata lagu. Contohnya, kumpulan Nirvana dan Gangsta Rap yang memaparkan musik yang kosong jiwanya dan ketidaktentuan arah hidup yang tidak mempunyai makna.
6. Mereka cuba menunjukkan bahawa mereka memberi peluang untuk golongan terpinggir dan tanpa suara untuk menyuarakan pandangan dan pendapat mereka. Contohnya, hero cerita adalah wanita; peranan utama dalam filem adalah seorang homoseksual seperti *gay* dan *lesbian*; Siri televisyen *Twin Peaks* dan *Quantum Leap* merupakan contoh program televisyen pascamodern dimana watak dibawa oleh seorang manusia dan dibantu oleh hologram . Oleh kerana watak boleh dibawa oleh hologram, ia boleh 'terbang' (time travel) tanpa dikawal oleh masa sekarang, dahulu atau masa depan. Hero filem boleh quantum leap kedalam mana-mana jasad dan sesiapa saja yang beliau ingini.
7. Biasanya produk pascamodern wujud bersama sama dengan artifak moden dan tradisi. Contohnya, kepelbagaian filem dan drama di saluran televisyen yang

sama seperti cerita dan drama klasik, moden dan pascamoden dalam satu tempat dan satu masa. Dalam penceritaan filem klasik dan moden, ianya mempunyai struktur dan kandungan yang jelas dengan mesej moral manakala filem pascamoden tidak jelas makna, tidak membuat konklusi yang jelas dan tiada pengajaran moral. Interpretasi filem bergantung kepada atau subjektif kepada audien.

Bagaimana menghadapi cabaran postmodern?

1. Mempromosi dan menambahbaikkan budaya yang tersendiri.
2. Menjaga identiti dan kelainan diri sendiri dengan yang lain. Visi beretika mengenai diri mereka seperti tujuan kewujudan, pemahaman keatas pascamoden, melihat limitasi ke atas *passive minimalist tradition* dan perangkap militan fundamentalisme.
3. Menghadapi keadaan tiada makna dengan hidup secara sedar, secara kreatif membuat, membina dan menampal.
4. Menjaga struktur budaya dan tradisi mengenai moral dan etika. Identiti diri dan sejarah perlu diperkuatkan agar ianya menjadi signifikan dan berkait dengan kehidupan manusia. Individu sendiri perlu selalu mengkomunikasikan mesej moral.
5. Budaya perlu dihidupkan bersama-sama dalam masyarakat lebih lagi masyarakat bukan Barat menghalang postmodern yang akan menyebabkan kebergantungan asia ke atas barat. Cabaran humaniti dan intelektual ialah menjaga garis etika dan moral.
6. Pascamoden memelihara struktur klasik dan moden yang mendominasi dan menekan manusia. Kepercayaan manusia pascamoden ialah tidak mempercayai apa-apa dan sesiapa. Masyarakat terperangkap dalam sistem global yang mengeluarkan barangan yang hanya menekankan keuntungan semata-mata contohnya kualiti novel bergantung berapa bayaran diberi kepada penulisnya dan nilai estetik barangan terletak atas harga yang dibayar.
7. *Power of the market* yang mengawal barangan dalam ekonomi pascamoden dengan menjual simbol dan imej. Untuk menghadapi cabaran postmodern, usaha secara individu dan masyarakat dalam menghidupkan budaya sendiri untuk mengurangkan kesan psikologi keatas perang saraf yang menggunakan simbol dan imej.

Kesimpulan

Pasca moden merupakan bentuk pandangan yang patologis di atas keburukan Barat untuk membesarkan dan mendominasi realiti dan kebenaran. Pascamodenism sebenarnya menggunakan ideologi tersendiri untuk menkolonialisasikan semula dunia mengikut peradaban barat. Penyerapan idea pascamodenisme dibuat dibeberapa peringkat untuk menekan budaya yang bukan barat tetapi memperlihatkan dirinya sebagai pejuang memberi makna. Sebenarnya ianya merupakan satu ruang yang kosong seperti kulit

bawang apabila dibuka setiap helai (*deconstruct*) dalamnya hanya ruang kosong tanpa ada apa-apa isi. Manusia tidak lebih dari jasad yang tidak mempunyai apa-apa isi, tiada pegangan, tiada agama, tiada pendirian, tiada masyarakat (individualist), tidak ada kuasa ke atas luaran dan menjadi subjek kepada teknologi, dan pasaran global. Manusia tidak lebih sebagai konsumer dalam *global capitalist economy*. Masyarakat harus menguatkan jiwa, membangkitkan masyarakat agar prihatin dalam pembangunan budaya dan bangsa yang merdeka dan tidak mudah tunduk kepada keuntungan individu hingga memusnahkan keluarga, bangsa, negara dan agama. Tindakan individu tidak boleh menyelamatkan ummah dari serakah kolonialisma baru (*neocolonials*) yang bersifat kolonialisasi mental, budaya, agama, pemikiran dan corak hidup agar mengikut corak atau arus mereka yang memiliki teknologi tinggi. Rangkaian teknologi yang dipasarkan membentuk satu *network ekonomi* yang membolehkan para kapitalis menguasai pasaran barangan atau *consumer economy*. Oleh kerana yang berprestij dan yang baik itu adalah apa yang ditayangkan sebagai imej, mereka sudah pun merangsang selera dan impian konsumer untuk membeli dan mendapatkan produk yang di tayangkan. Teknologi komputer dan komunikasi boleh dieksploitasi untuk melariskan produk. Oleh itu boleh dikatakan era pasca moden adalah era yang penuh dengan cabaran bagi masyarakat. Walaupun sains dan teknologi telah memberi faedah dalam kehidupan manusia namun ianya juga menyediakan berbagai perangkap (entrapment). Sesungguhnya bergantung pada individu, masyarakat dan negara untuk merancang dengan berhati-hati agar tidak diperangkap oleh dunia pascamoden.

Demi masa. Sesungguhnya manusia dalam kerugian kecuali mereka yang beriman dan beramal saleh dan saling nasihat menasihati kepada kebenaran dan nasihat – menasihati ke arah kesabaran.

(Al-‘Ashr : Surah 103)

Senarai Rujukan

Al- Quran

Cooper, Robert, 1998. diterj. Oleh Hussein Mohamed. **Negara..Pramoden, Moden dan Pascamoden**. Pemikir Julai – September . hal 18 – 58.

Drucker, Peter F., 1993. **Post capitalist Society**. Oxford : Butterworth Heinemen Limited.

Giddens, A., 2001. **Sociology** 4th edition. Cambridge: Polity Press

Macionis, John J., 1997. **Sociology**. New Jersey: Simon and Schuster.

Rahman Embong, 1998. Cabaran Pascamodenism. **Pemikir** Julai – September . hal 5 - 17

Ziauddin Sardar, 1995. Understanding Postmodernism. **Pemikir** Oktober-Disember . hal 131 – 158.

